



Mohamad bersalaman dengan pelajar baharu pada majlis di Dewan Besar Usim.

Nasihat MB kepada pelajar baharu

NILAI - Pelajar baharu Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) disaran memfokuskan diri dalam pelajaran sejajar dengan harapan untuk memperoleh kejayaan.

Saranan itu disampaikan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan di hadapan 910 pelajar baharu Usim pada Majlis Menyampaikan Ucapan Amanat dan Menerima Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Sempena Hari Ta'Aruf Tamhidi Sesi Akademik 2015/2016 di Dewan Besar Usim, di sini, malam kelmarin.

Menurut Mohamad, pelajar perlu mempunyai jati diri dan iltizam yang tinggi untuk belajar bersungguh-sungguh apabila menjejaskan kaki ke universiti.

"Saudara dan saudari datang ke sini un-

tuk belajar dan jangan sia-siakan harapan kedua-dua ibu bapa yang mahu melihat anaknya berjaya.

"Jangan sampai hilang punca dan lalai hingga gagal sebagai pelajar. Jangan sekali tersalah sasar, pastikan niat kita betul," katanya.

Mohamad berkata, mahasiswa juga perlu bercampur gaul dan bukannya meminggirkan diri dengan gajet yang ada.

"Jangan duduk dalam bilik dan bermain internet sahaja sehingga tidak campur dengan orang. Di universiti macam-macam kemudahan disediakan kepada pelajar.

"Jadilah ahli masyarakat kampus yang aktif dalam bidang akademik, sukan dan lain-lain," katanya.